

## → PENDIDIKAN

# Program UMP Kompeten naik taraf kemahiran warga industri

➔ Belia wajar rebat peluang sambung pengajian ditawarkan di UMP Advanced

Oleh Shahrinnah Latib  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

**B**elia dalam sektor industri wajar merebut peluang menyambung pengajian ke program yang ditawarkan di UMP Advanced bagi memberi nilai tambah ilmu serta kemahiran masing-masing.

Pengurus Besar Jabatan Akademik & Rundingara Pelajar UMP Advanced, Prof Madya Dr Mohd Rashid Ab Hamid, berkata keperluan memiliki sijil kompetensi dalam bidang tertentu yang memerlukan kepakaran spesifik menuntut penjejahan ilmu kemahiran tinggi tanpa henti.

Katanya, sijil kompetensi yang ditawarkan di UMP Advanced juga selaras dengan hasrat menjadikan mereka sebagai pekerja mahir ber taraf UMP Kompeten.

### Tingkat kemahiran

"Justeru, satu program bercirikan UMP Kompeten sudah dirangka dan dibangunkan oleh kita bagi mempersiapkan warga kerja industri ke arah meningkatkan kemahiran dalam mendepani caba-

ran dan ledakan revolusi industri 4.0 yang giat diperkatakan akhir-akhir ini.

"Menerusi kemasukan ke program yang ditawarkan ini, ia dapat membantu meluaskan pasaran dan peluang golongan sasar untuk menyambung pengajian dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

"Laluan kemasukan ke sesuatu program juga boleh dinilai berdasarkan pengalaman yang mereka miliki," katanya ketika ditemui di pejabat UMP Advanced di Gambang, dekat sini, semalam.

Katanya, pengiktirafan pengalaman itu adalah usaha mengiktiraf pembelajaran secara tidak formal yang turut membolehkan seseorang mendapat pengecualian kredit untuk kursus tertentu selepas melalui penilaian ditetapkan.

Mohd Rashid berkata, menerusi peluang diberikan melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) itu, belia yang sedang bekerja dapat menikmati peningkatan sosioekonomi selepas tamat pengajian.

### Tingkat taraf kehidupan

"Maksudnya, peningkatan taraf kehidupan kepada yang lebih baik dan selesa menerusi kenaikan

pangkat atau gaji yang diberi majikan selain memperoleh ilmu dan kemahiran dengan mengikuti program di UMP Advanced.

"Kita berharap hasrat TVET Malaysia melahirkan pekerja berkemahiran tinggi dan kompeten dapat dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan keperluan tenaga mahir dalam pelbagai sektor bagi merencanakan pembangunan menggunakan tenaga tempatan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, PSH adalah agenda utama negara dalam memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan merentasi peringkat umur, latar belakang pendidikan dan lokasi pembelajaran.

"Kerajaan melihat PSH sebagai inisiatif utama seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) dan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2011-2020.

"Usaha pembudayaan dan pemerkasaan PSH ini juga diterjemahkan dalam pelbagai produk penawaran program yang dijalankan secara separuh masa atau eksekutif untuk warga kerja industri di UMP Advanced," katanya.



Menerusi kemasukan ke program yang ditawarkan ini, ia dapat membantu meluaskan pasaran dan peluang golongan sasar untuk menyambung pengajian dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)"

Mohd Rashid Ab Hamid,  
Pengurus Besar Jabatan  
Akademik & Rundingara Pelajar  
UMP Advanced